

Dalam Negeri

Ayah dan tiga anak terima diploma di UMP

Oleh ZAMZURINA AHMAD
zazmzurina.ahmad@utusan.com.my

KUANTAN 12 Okt. - Tiada ungkapan yang dapat diluahkan oleh Abdul Rahman Zainal Abidin, 50, apabila dia bersama tiga anaknya berjaya menerima diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kesembilan di sini hari ini.

Abdul Rahman dari Pekan dekat sini berkata, kegembiraan itu lebih bermakna apabila mereka empat beranak yang mengikuti pengajian dalam bidang Diploma Eksekutif Pengurusan Projek ditawarkan untuk terus mengikuti pengajian di peringkat sarjana.

"Berebakalkan pengalaman seba-

gai kontraktor binaan dan masing-masing mempunyai syarikat sendiri kami ditawarkan oleh pensyarah untuk menyambung di peringkat sarjana tanpa perlu membuat sarjana muda.

"Saya sangat bersyukur kerana penantian selama ini untuk melanjutkan pengajian tertunai. Selepas tamat sekolah menengah saya terpaksa melupakan hasrat tersebut kerana kewangan keluarga dan saya pula mempunyai 14 adik-beradik," katanya kepada pemberita.

Mereka antara 2,493 pelajar yang menerima ijazah dan diploma masing-masing pada majlis konvokesyen yang berlangsung selama dua hari berakhir hari ini.

Selain Abdul Rahman, tiga

anaknya daripada empat beradik iaitu Abdul Hasib, 23, Abdul Jamied, 22, dan Abdul Muiiz, 20, teruja apabila mencipta sejarah dalam keluarga apabila bersama-sama berkongsi pentas menerima diploma.

Bagi Abdul Muiiz, pembelajaran begitu mudah apabila berkongsi minat yang sama dengan bapa dan abang-abangnya.

"Kami akan belajar bersama dan gunakan masa dengan sebaik mungkin antara belajar dan kerjaya.

"Saya sahut cabaran pensyarah untuk menyambung pengajian di peringkat sarjana dan dalam masa sama sangat kagum dengan ayah kerana semangatnya cukup tinggi," jelasnya.



ABDUL Rahman Zainal Abidin (dua dari kiri) bersama tiga anaknya berkongsi kegembiraan setelah berjaya memperolehi Diploma Eksekutif Pengurusan Projek pada Majlis Konvokesyen UMP ke-9, di Kuantan, Pahang, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN